

NAMA: .....

TINGKATAN: .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK**

---

**MODUL KECEMERLANGAN SPM 2024  
SET 1**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**2 JAM**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan dalam Bahagian A, dan satu soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

## Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mestilah dijawab.

Grafik dan petikan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan sekolah selamat.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pondapat anda tentang sekolah selamat.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Sumber: <https://www.facebook.com/KemPendidikan>



KEMUDAHAN ALAT PEMADAM API

Persekutuan sekolah yang baik merupakan salah satu ciri sekolah selamat kerana aspek keselamatan persekitaran dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Situasi ini juga berupaya mempengaruhi pencapaian murid sekali gus membantu mereka memperoleh prestasi akademik yang lebih baik.

Sumber: [bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

## Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

Dato' A. Aziz Deraman, Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN) menyuarakan ketidakselesaannya berikutan kurangnya pelibatan generasi muda dalam acara sambutan Bulan Kemerdekaan saban tahun. Menurut beliau, minda bebas golongan generasi muda semacam mahu segala-galanya menyamai Barat termasuklah menerima ideologi pluralisme, liberalisme, hedonisme dan seumpamanya menyebabkan semangat patriotisme tidak dihayati secara menyeluruh.

Sumber: <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my>

Pada pendapat anda, selain punca yang terdapat dalam petikan, apakah punca-punca generasi muda kurang penghayatan terhadap semangat patriotisme?

2

Sektor pelancongan adalah salah satu sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Sektor ini juga mempromosikan kepelbagaiannya warisan budaya dan keunikan alam semula jadi negara kita kepada masyarakat dunia.

Sumber: <https://www.melancong.com.my>

Berdasarkan petikan di atas, huraiakan kepentingan sektor pelancongan kepada masyarakat dan negara.

3

Ramai yang meragui kebolehpasaran dan keterjaminan pekerjaan untuk graduan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Mentaliti masyarakat yang sering mengaitkan bidang ini dengan pekerjaan 3D (kotor, bahaya dan sukar) dan enggan keluar dari zon selesa menjadi sebab bidang ini dipandang serong dan kurang mendapat sambutan.

Sumber: Dewan Siswa Bil. 11/2023

Petikan di atas menunjukkan faktor-faktor remaja kurang berminat menceburi bidang STEM. Jelaskan faktor-faktor tersebut.

4

Sektor pertanian komersial masih kekurangan pelibatan golongan muda, terutamanya belia berpelajaran tinggi. Golongan muda diperlukan oleh negara untuk menaik taraf industri pertanian, memodenkan industri asas tani, dan menambah pekerja berkemahiran dalam sektor pertanian komersial.

Sumber: <https://journals.mindamas.com>

Sebagai respons terhadap petikan di atas, bincangkan usaha-usaha untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang tersebut.

## KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT